

18/03/1999

Promosi sukan motor perlu ditingkat

KUALA LUMPUR, Rabu - Kabinet hari ini memutuskan supaya lebih banyak usaha promosi dan aktiviti berkaitan sukan motor dijalankan di Litar Lumba Formula 1 Sepang yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata pelbagai aktiviti sama ada yang bercorak sukan atau bukan membabitkan kegiatan itu boleh dijalankan bagi menggalakkan lebih ramai orang menggunakannya.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia Airports Berhad (MAB) yang menguruskan litar itu perlu mencari kaedah terbaik supaya ia dapat digunakan sepenuhnya dan tidak hanya bergantung kepada acara tahunan semata-mata.

"Pelbagai aktiviti boleh dijalankan seperti kejohanan lumba kereta pada waktu malam atau acara sambutan ulang tahun supaya litar itu sentiasa menjadi tumpuan orang ramai," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet di kementeriannya, di sini hari ini.

Litar di kawasan seluas 260 hektar itu mula dibina pada September 1997 dan siap sepenuhnya akhir tahun lalu serta terpilih menjadi salah satu gelanggang bagi perlumbaan Kejohanan Formula Satu (F1) Dunia, musim ini.

Sebelum ini, litar itu menganjurkan perlumbaan sulung tempatan iaitu Proton 300km Antarabangsa Merdeka pada 11-13 Disember lalu.

Dr Ling berkata, MAB boleh melantik perunding untuk mengiatkan usaha promosi litar itu kerana Litar F1 Sepang mempunyai saingan dengan beberapa litar lumba lain di seluruh dunia.

(END)